

NOTA

Kata sedih nama (KSN) **ke** dan **kepada** sering mengelirukan pengguna bahasa, untuk mengelakkan kekeliruan ini kita mestilah dapat membezakan rumus penggunaannya.

Rumus Penggunaan KSN **ke** dan **kepada**

KSN ke

KSN	digunakan	Ayat contoh
ke	I. Untuk tempat atau arah II. masa atau waktu III. benda konkrit tak bernyawa.	1. Kakak ke sekolah. 2. kajian tersebut akan dilakukan dari masa ke masa. 3. Buku itu dicampakkannya ke dinding

KSN kepada

KSN	digunakan	Ayat contoh
kepada	I. untuk orang atau kata ganti diri II. menyatakan pecahan III. menyatakan perubahan keadaan	1. Kami mengucapkan terima kasih kepada pihak tuan. 2. Surat itu telah diserahkan kepadanya . 3. Murid-murid darjah satu dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang diawasi oleh seorang guru.

		4. Suhu di bilik mesyuarat telah meningkat <i>kepada</i> 37°C
--	--	---

LATIHAN

Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai.

1. Posmen menghantar bungkusan itu _____ Latisha.
2. Mereka _____ padang apabila nama mereka dipanggil oleh jurulatih.
3. Adik saya terjun _____ dalam sungai itu.
4. Tolong berikan surat ini _____ Maniam
5. Peserta seminar itu dibahagikan _____ tiga kumpulan.